

Universiti Melaka UNIMEL

UNIVERSITI MELAKA
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada mereka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:

JAWATAN DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

➤ PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (GRED F41)

Kekosongan : 2
Taraf Jawatan : Kontrak

Syarat Wajib:

- ▶ Terdiri daripada warganegara Malaysia;
- ▶ Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh tutup iklan; **dan**

❖ PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (GRED F41)

Syarat Lantikan:

- a) Ijazah Sarjana (Masters) atau Sarjana Muda dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **atau**
- b) Ijazah Sarjana (Masters) atau Sarjana Muda di dalam bidang yang berkaitan dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **dan**
- c) Keujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Tanggungjawab :

Bertanggungjawab untuk mengkaji dan membuat analisis keperluan sistem operasi dan sistem kampus melibatkan pembangunan sistem baru serta kesesuaian sistem sedia ada bagi melancarkan urusan pengoperasian kampus.

1. Menulis kod program dan melaksanakan program komputer pada pelbagai sistem kampus.
2. Bekerjasama dengan pengguna dalam membuat program untuk fakulti/jabatan.
3. Melakukan sokongan teknikal dan 'troubleshooting' sistem yang dibangunkan.
4. Membangun dan menyelenggara pangkalan data.

Kriteria lain yang diperlukan :

1. Mengurus dan merancang projek pembangunan sistem baru.
2. Mengurus, merancang dan menganalisis struktur pangkalan data sistem baru.
3. Terlibat dalam pembangunan Sistem Akademia baru dan penyelenggaraan Sistem Akademia sedia ada.
4. Terlibat dalam semua pembangunan Sistem Pengurusan Universiti dan Pelajar.
5. Mengurus projek pemasangan Internet untuk kampus utama dan asrama.
6. Mengurus, membangun dan memantau Laman Web rasmi UNIMEL.
7. Membuat kajian keperluan dan penyediaan kertas kerja infrastruktur teknologi maklumat.
8. Mengurus staf IT yang terlibat dalam pembangunan sistem.
9. Menguruskan juruteknik dalam pengurusan kerja untuk pembaikan komputer dan peralatan IT di setiap unit dan fakulti.
10. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam pembangunan sistem aplikasi lain seperti mobile app, cashless dan lain-lain yang dirasakan sesuai dengan universiti.

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dihantar melalui e-mel: perjawatan@unimel.edu.my dan disertakan bersama :
- i. Borang rasmi yang boleh didapati melalui laman web Universiti Melaka www.unimel.edu.my
 - ii. Resume / butir – butir peribadi dan salinan kad pengenalan pemohon.
 - iii. Salinan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah / Ijazah Sarjana (Masters) / Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan atau salinan keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan.
 - iv. Salinan Kelayakan SPM, STPM, Diploma dan dokumen yang berkaitan.
 - v. Slip Gaji tiga (3) bulan terkini (Sekiranya ada)
 - vi. Sijil – sijil / dokumen yang berkaitan.
- b) Permohonan hendaklah dihantar pada atau sebelum **24 Jun 2022 (Rabu)**. Sila tuliskan nama jawatan yang dipohon beserta nama pemohon di bahagian subjek e-mel mengikut tatacara berikut.

Subjek : Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F41) _ Nama Pemohon

PERKARA AM

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Pihak Unimel tidak akan menanggung sebarang kos yang dikeluarkan untuk menghadiri temuduga ini.